



UTUSAN MALAYSIA

DATE: 01 / 08 / 2007

## Antara Dua Zaman



**DULU** PERMAINAN kriket di padang Kelab Selangor berlatarkan bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur pada tahun 1905.

**KINI** LANDSKAP padang Kelab Selangor yang kini menjadi Dataran Merdeka berlatarkan Bangunan Sultan Abdul Samad dan bangunan komersial lain.

UM - 1/8/2007

## Hari ini, 50 tahun lalu

### ● Johor terima Rang Perlembagaan Merdeka sebulat suara

Majlis Mesyuarat Negeri Johor yang bersidang pada 31 Julai 1957 telah menerima dengan sebulat suara Rang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka.

### ● Pemuda UMNO bantah seruan merdeka di radio

Pemuda UMNO cawangan Kota Bharu, Kelantan dalam mesyuarat jawatankuasanya telah membantah seruan 'merdeka' yang disiarkan oleh Radio Malaya. Mesyuarat memutuskan bahawa seruan 'merdeka' hendaklah diucapkan oleh juruhebah radio sendiri dan bukan sebagaimana dilakukan.

### ● Pindaan undang-undang Pahang diterima, akan diluluskan sebelum merdeka

Majlis Mesyuarat Negeri Pahang bersetuju membuat pindaan kepada bahagian-bahagian fasal undang-undang tubuh negeri Pahang untuk disesuaikan dengan Perlembagaan baru Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka selepas 31 Ogos 1957 apabila cadangan membawa pindaan dikemukakan oleh penasihat undang-undang.

### ● Perjumpaan membincangkan tanggungjawab Pemuda

Peranan dan tanggungjawab Pemuda dalam Malaya yang merdeka dibincangkan dalam satu perjumpaan pemuda-pemuda Melayu Utara, diadakan tiga hari berturut-turut mulai 9 Ogos 1957 di Kulim, Kedah. Perjumpaan anjuran Panitia Youth Club Kedah itu bermatlamat menanam pengertian mendalam mengenai kemerdekaan.

### ● Hadiah Dewan Perniagaan Persekutuan kerana kemerdekaan

Dewan Perniagaan Persekutuan Negeri-Negeri Melayu, iaitu dewan kepunyaan orang Eropah telah menyampaikan hadiah sebanyak RM27,375 kerana perayaan kemerdekaan.

### ● Lakonan sejarah lama tanah air

Kejadian-kejadian yang berlaku dalam tanah air pada masa silam disusun bagi dijadikan lakonan semasa Hari Kemerdekaan. Ini termasuk di kalangan orang Bugis di Batu Pahat yang berusaha menyiapkan cerita anak Bugis lima bersaudara untuk dipertontonkan sempena perayaan kemerdekaan. Pada masa sama, Persatuan Pelajar-Pelajar Melayu Batu Pahat turut berlatih berlakon cerita Megat Terawis untuk dimainkan ketika perayaan merdeka di Batu Pahat.